



GEORGE TOWN, 1 Feb -- Dua kapal persiaran yang besar boleh berlabuh serentak apabila projek naik taraf Terminal Kapal Persiaran Swettenham (SPCT) siap sepenuhnya tahun hadapan, kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook.

Beliau berkata projek naik taraf SPCT itu merupakan manifestasi Kementerian Pengangkutan terhadap peri pentingnya industri kapal persiaran di Malaysia dan projek itu adalah satu langkah untuk menterjemahkan aspirasi kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pengangkutan Negara yang dilancarkan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 17 Okt lalu.

"Pelabuhan Pulau Pinang sendiri pada tahun 2019 merupakan hab kapal persiaran nombor satu di Malaysia. Projek naik taraf SPCT ini melibatkan pemanjangan dermaga sepanjang 220 meter ke utara terminal sedia ada dan pembangunan serta penstrukturan semula kawasan terminal untuk memperuntukkan fasiliti yang mencukupi kepada semua penumpang dan pengguna SPCT.

"Projek naik taraf SPCT akan dilaksanakan dalam tempoh 24 hingga 36 bulan namun dijangka mampu disiapkan lebih awal iaitu hanya dalam masa 12 bulan, bermakna pada Tahun Baharu Cina tahun depan ia akan siap," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran projek naik taraf terminal itu di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng dan Ketua Menteri Chow Kon Yeow.

Loke berkata selepas siap pelaksanaan pembesaran dermaga itu, ia berupaya mengendalikan 12,000 penumpang pada satu-satu masa dan akan membolehkan dua kapal terbesar di dunia iaitu kelas "Oasis" untuk berlabuh pada satu masa yang sama. Pada masa ini terminal berkenaan hanya mampu menempatkan seramai 8,000 penumpang.



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <  
Atas Talian



Aplikasi Mudah  
Alih

Laman <  
Mikro

e-Penyertaan <  
&  
Maklumbalas



Statistik & <  
Prestasi

Pautan <

Agensi <

## Hubungi Kami

Kementerian  
Kewangan  
Malaysia

Loke berkata industri kapal persiaran memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan sejak 10 tahun yang lepas dimana industri kapal persiaran global telah menyaksikan peningkatan jumlah penumpang pada kadar purata 14 peratus setahun.

"Menjelang tahun 2035, adalah dianggarkan 4.5 juta penumpang kapal persiaran akan belayar di seluruh Asia Tenggara. Angka ini termasuklah jumlah penumpang kapal-kapal persiaran yang akan singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

"Pada tahun 2020, adalah dijangkakan seramai 32 juta orang akan menggunakan perkhidmatan kapal persiaran di seluruh dunia. Bagi menampung jumlah permintaan yang kian meningkat, Cruise Lines International Association (CLIA) menyasarkan sebanyak 19 buah kapal persiaran yang baharu akan mula beroperasi," katanya.


Beliau berkata menjelang penghujung tahun 2020, CLIA menjangkakan sebanyak 278 buah kapal persiaran akan beroperasi di seluruh dunia dan sudah tentu kapal-kapal persiaran tersebut turut akan singgah di terminal-terminal kapal persiaran di Malaysia khususnya di SPCT," katanya.

Menerusi aspek pelancongan, Loke berkata kementeriannya bersama-sama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) telah memainkan peranan penting dalam perkembangan industri kapal persiaran di Malaysia.

"Kementerian pengangkutan berperanan untuk memastikan kemudahan industri kapal persiaran di pelabuhan atau terminal kapal persiaran sentiasa dalam keadaan sempurna dan baik manakala Motac pula berperanan untuk menarik lebih ramai pelancong kapal persiaran ke Malaysia.

No. 5 Persiaran  
Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran  
Kerajaan  
Persekutuan,  
62592 WP  
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000  
☐ 03-88823893 /  
03-88823894



"Pelancongan kapal persiaran di Malaysia berpotensi dalam membantu merancakkan ekonomi negara. Oleh itu, saya percaya projek naik taraf dermaga terminal kapal persiaran Swettenham ini membolehkan SPCT mengendalikan sehingga 1.7 juta penumpang apabila ia siap sepenuhnya.

Ia bukan sahaja memberi impak positif kepada ekonomi dan pelancongan di negeri Pulau Pinang, tetapi juga kepada Malaysia secara keseluruhan," katanya.

-- BERNAMA

[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

#### KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data